

BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN

Timber Export Bulletin

DIKELUARKAN OLEH LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA/ISSUED BY THE MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD

BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN NO: 5/87 (Penyemakan Semula 0396)
TARIKH DIKELUARKAN: 14.3.1996
SUBJEK: EKSPORT KAYU GERGAJI DALAM KUMPULAN

Selaras dengan pengeluaran Buletin Eksport Kayu Kayan No. 11/87 (Penyemakan Semula 0396) yang bertarikh 14.3.96, Buletin ini menggantikan B.E.K. No. 5/87 (Penyemakan Semula 0993) yang bertarikh 10.9.93 dan B.E.K. No. 5/87 (Penyemakan Semula 0895) yang bertarikh 11.8.95 dan berkuatkuasa mulai **1 Jun 1996**.

Syarat-syarat berikut berkenaan dengan klasifikasi dan penandaan hendaklah diikuti apabila mengeksport konsignasi kayu gergaji yang berperingkat ataupun tanpa peringkat, dalam kumpulan ke semua destinasi.

1.1 Klasifikasi

a) Kayu Keras Berat Bercampur

Konsignasi 'Kayu Keras Berat Bercampur' boleh mengandungi sebarang Kayu Keras Berat kecuali Merbau, Chengal, Balau dan Balau Merah.

b) Kayu Keras Sederhana Bercampur

Konsignasi 'Kayu Keras Sederhana Bercampur' boleh mengandungi sebarang Kayu Keras Sederhana kecuali Kempas, Keruing dan Mengkulang.

Kayu Keras Ringan Bercampur

Konsignasi 'Kayu Keras Ringan Bercampur' boleh mengandungi sebarang kayu Keras Ringan kecuali Kayu Getah, Ramin, semua jenis Meranti, Kembang Semangkok, Nyatoh, Mersawa, Jelutong, Perupok, Sepetir, Sesendok, Geronggang, Bintangor, Gerutu, Durian, Melantai/Kawang, White Seraya dan Melunak.

d) **Kayu Keras Bercampur**

Konsignasi 'Kayu Keras Bercampur' boleh mengandungi sebarang Kayu Keras kecuali Merbau, Chengal, Balau, Balau Merah, Kempas, Keruing, Mengkulang, Kayu Getah, Ramin, semua jenis Meranti, Kembang Semangkok, Nyatoh, Mersawa, Jelutong, Perupok, Sepetir, Sesendok, Geronggang, Bintangor, Gerutu, Durian, Melantai/Kawang, White Seraya dan Melunak.

e) **Kayu Merah**

Konsignasi 'Kayu Merah' boleh mengandungi sebarang Kayu Keras yang berwarna merah atau merah coklat kecuali semua kayu Keras Berat, Kempas, Keruing, Mengkulang, Meranti Merah, Meranti Merah Muda/Red Seraya, Meranti Merah Tua, Kembang Semangkok, Nyatoh, Perupok, Sepetir, Geronggang, Bintangor, Gerutu, Durian, Melantai/Kawang dan Melunak.

1.2 Sila ambil perhatian bahawa kayu-kayu yang disebutkan di atas adalah merujuk kepada Lampiran I MGR (Edisi 1984). Kayu-kayu lain yang diklasifikasikan dalam Malayan Forest Record No. 17 - "Pocket Check List of Timber Trees", boleh disertakan juga dalam kumpulan.

1.3 **Penandaan (Markings)**

Bagi menandakan konsignasi kayu gergaji dalam kumpulan, samada berperingkat ataupun tanpa peringkat, tanda stensil berikut hendaklah distensilkan di atas kayu sebagai menggantikan nama piawai kayu.

"MHHW" bagi konsignasi Kayu Keras Berat Bercampur

"MMHW" bagi konsignasi Kayu Keras Sederhana Bercampur

"MLHW" bagi konsignasi Kayu Keras Ringan Bercampur

"MHW" bagi konsignasi Kayu Keras Bercampur

"RED WOOD" bagi konsignasi Kayu Merah



ZAINAL ABIDIN HAJI AHMAD
Ketua Pengarah